

Koo Ham perlu kemukakan bukti: Tee Yong

LABIS - Ahli Parlimen Beruas, Ngeh Koo Ham, diminta tampil mengemukakan bukti kukuh terhadap kenyataannya bahawa kerajaan akan menggunakan dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membayar hutang kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong berkata, sebagai Ahli Parlimen, Koo Ham harus membuat kenyataan lebih bertanggungjawab dan bukan mengeluarkan kenyataan memberi gambaran negatif negara kepada rakyat serta pelabur.

"Kita sedia maklum sejak dahulu pihak pembangkang sering menyatakan bahawa jika rakyat mengundi BN, kerajaan akan bankrap tetapi sampai sekarang kita masih kekal malah kedudukan kewangan kita mendapat pengiktirafan pihak antarabangsa.

"Semua pihak harus memahami

bahawa kejatuhan nilai ringgit disebabkan banyak faktor seperti kejatuhan harga minyak serta keadaan ekonomi China yang merupakan pengeksport utama negara kita dan masalah sama berlaku di 120 negara," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan alat tulis kepada murid tahun satu di Sekolah Kebangsaan (SK) Desa Temu Jodoh, kelmarin.

Menurutnya, wang KWSP adalah caruman pekerja untuk hari persaraan dan telah diuruskan secara profesional mengikut Akta KWSP 1991 serta tidak boleh digunakan mana-mana pihak dengan sewenang-wenangnya termasuk kerajaan.

"Rakyat boleh menilai sendiri prestasi KWSP yang boleh dijadikan bukti bahawa wang pencarum dikendalikan secara profesional apa-

bila terdapat peningkatan ketara pengagihan dividen daripada RM10 bilion pada 2004 kepada RM36 bilion pada 2014.

"Jika benar kerajaan akan menggunakan dana KWSP, jumlah dividen yang diagihkan kepada pencarum sepatutnya semakin berkurangan dan bukannya bertambah seperti apa yang berlaku ketika ini," katanya.

Menurutnya, KWSP merupakan satu skim pencen yang telah diakui antara terbaik oleh dunia kerana pengurusan secara profesional serta berusaha memberi pulangan yang baik kepada pencarum melalui pelbagai pelaburan yang menguntungkan.

Malah, KWSP juga mempunyai sistem pencen yang baik dengan menetapkan kadar pulangan minimum sebanyak 2.5 peratus selain melakukan penambahbaikan terhadap sistem untuk pencarum yang memilih



Tee Yong bersama murid Tahun Satu SK Desa Temu Jodoh.

patuh syariah atau sebaliknya, baru-baru ini.

Sebelum ini, Koo Ham dalam satu kenyataan memberitahu bahawa kemungkinan kerajaan akan mem-

bayar hutang RM627.5 bilion dengan 97 peratus daripadanya hutang domestik dan selebihnya iaitu tiga peratus hutang asing bernilai RM18.80 bilion menggunakan duit KWSP.